

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN ANYI NGAU [BARAM]

TARIKH : 22 OKTOBER 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 29

Minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan rancangan Kerajaan untuk menaikkan taraf hidup kaum minoriti seperti kaum Orang Ulu di kawasan luar bandar di Sarawak.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman ahli Yang Berhormat Baram, Kerajaan telah merangka satu wawasan baharu negara iaitu Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB) yang telah dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri pada 5 Oktober 2019.

2. WKB merupakan hala tuju baharu pembangunan negara bagi tempoh 10 tahun iaitu mulai tahun 2021 hingga 2030 dengan matlamat untuk memastikan seluruh rakyat Malaysia dapat mengecapi taraf hidup wajar atau "*decent standard of living*" pada tahun 2030 termasuk kaum minoriti seperti kaum Orang Ulu di kawasan luar bandar di Sarawak.

3. Kerangka WKB telah menetapkan 3 objektif utama seperti berikut:
 - a. Pertama - Pembangunan Untuk Semua
 - b. Kedua - Menangani Jurang Kekayaan Dan Pendapatan; dan
 - c. Ketiga - Menjadikan Malaysia Sebuah Negara Yang Bersatu, Makmur Dan Bermanuah.

4. Objektif kedua WKB iaitu, Menangani Jurang Kekayaan Dan Pendapatan, WKB akan menangani jurang ekonomi antara kumpulan pendapatan, etnik, pembangunan wilayah dan rangkaian bekalan untuk membela dan meningkatkan keupayaan semua rakyat supaya tiada yang ketinggalan.

5. Menyedari hakikat masih wujud jurang pendapatan antara etnik, WKB melalui model pengurusan polariti akan merangka langkah-langkah holistik khusus untuk merapatkan jurang ini. Pengurusan polariti adalah model untuk menguruskan isu yang dihadapi oleh kumpulan minoriti dan kumpulan sasaran khusus. Etnik-etnik yang ketinggalan akan dibantu melalui penyediaan peluang untuk meningkatkan penyertaan mereka dalam aktiviti ekonomi yang menjana pendapatan lebih tinggi.

6. Dalam menjana pendapatan lebih tinggi, antara langkah penting yang akan diambil adalah dengan mengadakan pemetaan kawasan titik panas tumpuan ekonomi (*economic hot spots*) yang berpotensi untuk dibangunkan. Ini bagi memastikan pembangunan ekonomi tidak berpusat di wilayah tertentu sahaja. Sebaliknya, ianya melibatkan pengagihan pembangunan kepada semua negeri termasuk Sarawak berasaskan kepada kekuatan dan keunikan setiap negeri.

7. Bagi negeri Sarawak, tumpuan akan diberikan kepada ekopelancongan, tenaga boleh baharu, pertanian dan penternakan berteknologi tinggi, petroleum dan gas asli, ekonomi komoditi dan produk hiliran. Walau bagaimanapun, Kerajaan mengalu-alukan sebarang cadangan dan pandangan Kerajaan Negeri bagi sektor tumpuan lain dalam usaha merencanakan pembangunan ekonomi negeri Sarawak.

8. Dari segi modal insan, dasar WKB juga akan mengangkat kelestarian hak Bumiputera Sarawak dengan mengambil kira perkara-perkara yang telah dipersetujui dalam Perjanjian Malaysia 1963. Selain itu, akses kepada kemudahan jalan raya, infrastruktur asas, kesihatan dan pendidikan yang berkualiti terutama untuk masyarakat pedalaman Sarawak akan diberi keutamaan.

9. Bagi memastikan objektif WKB tercapai, dasar, strategi dan inisiatif bagi Rancangan Malaysia Kedua belas yang sedang dirangka akan diijarkan dengan rangka dan strategi yang terdapat dalam WKB.

10. Kerajaan yakin pelaksanaan WKB akan dapat memastikan menjelang 2030, tiada kumpulan etnik yang ketinggalan termasuklah kaum Orang Ulu di pedalaman Sarawak dan setiap rakyat dapat menikmati kemakmuran negara serta menjadikan Malaysia sebuah negara yang bersatu, makmur dan berna'wah.

Sekian, terima kasih.